

10/11/2000

BN mesti pertahan kerusi DUN Lunas

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PILIHAN raya Presiden Amerika Syarikat telah berakhir. Ia dianggap pemilihan paling sengit bagi merebut jawatan presiden negara yang dikatakan paling berkuasa di dunia.

Setakat artikel ini ditulis belum ada keputusan sama ada calon Republikan, George W Bush atau calon Demokrat, Al Gore yang dipilih rakyat Amerika Syarikat menggantikan Bill Clinton.

Itu di Amerika Syarikat. Di negara kita pun akan ada pilihan raya pada bila-bila masa, iaitu pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak dan pilihan raya kecil DUN Lunas, di Kedah.

Pilihan raya kecil DUN Lunas terpaksa diadakan berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) BN, Dr Joe Fernandez, yang ditembak mati, Sabtu lalu. Di Sarawak pula, pilihan raya diadakan berikutan tamat penggal pada 18 November ini.

Pilihan raya kecil Lunas amat penting kepada Barisan Nasional (BN) selepas berjaya menghalang hasrat pembangkang yang diketuai Pas untuk merampas tampuk pemerintahan negeri pada pilihan raya umum lalu.

Jika gagal, BN akan kehilangan majoriti dua pertiga dalam DUN, sekali gus meningkatkan imej Barisan Alternatif (BA).

Selepas pilihan raya umum lalu, BN menang 24 kerusi daripada keseluruhan 36 kerusi bagi menggenapkan majoriti dua pertiga. Pas pula menang di 12 kawasan, berbanding hanya dua kerusi sebelum itu.

Bagi pembangkang pula, kemenangan akan dijadikan modal besar untuk membuat persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang, khususnya matlamat merampas Kedah daripada BN.

Selain itu, jika BN tewas, seperti kelaziman pembangkang akan menjelajah seluruh negara mencanang kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah tidak diterima rakyat.

Justeru, BN mempunyai tugas besar mempertahankan imejnya sebagai kerajaan sokongan rakyat selepas keputusan mengejutkan tewas kepada Pas di Terengganu dan kejayaan pakatan BA menembusi beberapa kubu kuat BN, khususnya Umno.

Tambahan pula, BN perlu terus memastikan rakyat masih memberikan sokongan selepas berjaya menghalang BA daripada merampas kerusi DUN Sanggang di Pahang dan parlimen Teluk Kemang dalam pilihan raya kecil sebelum ini.

Walaupun kelihatan yakin mampu mempertahankan Lunas, BN tidak dapat mengelakkan rasa bimbang kemungkinan 24,481 pengundi mengubah haluan pada kali ini.

Ia kerana walaupun Dr Fernandez yang mendapat 9,760 undi menang selesa terhadap M Kathiravelo yang mewakili DAP dengan hanya 5,060 undi, majoriti sebenar bukan 4,700.

Majoriti sebenar Dr Fernandez hanya 2,455 jika jumlah undi Kathiravelo dicampur dengan dua calon bebas, iaitu Ibrahim Md Rashidi dan N Letchumanan masing-masing mendapat 2,158 dan 87 undi.

Tambahan pula sokongan 1,700 pengundi baru yang dijangka layak mengundi kali ini masih menjadi tanda tanya.

Gabungan pelbagai isu tempatan serta nasional dengan komposisi pengundi, iaitu 43 peratus Melayu, 37 peratus Cina, 19 peratus India dan satu peratus lain-lain kaum pasti menambah getaran BN dan BA.

Selain cabaran kepada BN secara keseluruhan, pilihan raya kecil Lunas juga adalah ujian sulung kepada Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed Zain

yang mengambil alih jawatan daripada Tan Sri Sanusi Junid selepas pilihan umum raya lalu.

Ia kerana walaupun Lunas dilihat sebagai kubu kuat BN yang diwakili MIC sejak 1990, kehadiran 43 peratus pengundi Melayu serta 1,700 pengundi baru adalah suatu cabaran kepada kewibawaan Umno.

Pilihan raya ini dianggap ujian pertama bagi Syed Razak kerana di bawah pentadbiran Sanusi, BN Kedah bukan saja tewas di 12 kerusi DUN, malah kalah lapan daripada 15 kerusi Parlimen kepada Pas.

Kejayaan Pas itu dianggap sebagai suatu sejarah di Kedah apabila hampir berjaya menyekat majoriti dua pertiga DUN serta mengatasi BN pada peringkat parlimen.

Walaupun BN mungkin meneruskan tradisi dengan memberikan kerusi Lunas kepada MIC, kejayaan sebenar bergantung kepada kekuatan Umno dan keberkesanan jentera pilihan raya.

Dengan Pas dan Keadilan yang tidak pernah berhenti daripada berceramah sejak pilihan raya umum lalu, mampukah BN, khususnya Umno menggerakkan jentera dalam masa yang singkat bagi menghadapi pembangkang.

Di sinilah akan membuktikan kemampuan Syed Razak dalam mengemudi bahtera BN dan Umno menghadapi pilihan raya Lunas. Ia penting kerana salah satu punca prestasi buruk BN Kedah pada pilihan raya umum lalu adalah kegagalan Umno menjalin kesepakatan.

Justeru, jika Umno bersatu dan digabungkan dengan permuafakatan sesama anggota BN, Syed Razak dijangka tidak menghadapi masalah lulus ujian sulung ini.

(END)